SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD. 199601037981 (410334-X)
1, Persiaran Dato' Menteri, Section 2, P.O Box 7035
40700 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. MALAYSIA
Tel : 603-5544 6400 Fax : 603-5544 6810
www.sirim-qas.com.my

Tarikh : 27 Oktober 2023

No. Rujukan : EL02160002

Kepada : Pihak Berkepentingan

Tuan/Puan,

**UNDANGAN UNTUK MEMBERI KOMEN TERHADAP AUDIT PENSIJILAN SEMULA MSPO KE ATAS LADANG TAI TAK (KOTA TINGGI) SDN. BHD.**

Ladang Tai Tak (Kota Tinggi) Sdn Bhd telah melantik SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk menjalankan audit pensijilan terhadap "*Malaysian Sustainable Palm Oil*" (MSPO), MS 2530:2013 di unit pengurusannya.

MSPO MS 2530:2013 adalah standard kebangsaan yang membolehkan peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit untuk meningkatkan aspek kelestarian dalam pengeluaran minyak sawit. Dengan pensijilan MSPO ini, peladang/pekebun kecil dan pengilang kelapa sawit dapat membuat kenyataan umum mengenai produk mereka yang dikeluarkan secara lestari.

Berikut adalah merupakan aspek-aspek kelestarian yang dibincangkan dalam Standard MS 2530:2013 Malaysia:

- Komitmen dan tanggungjawab pihak pengurusan
- Ketulusan
- Pematuhan kepada undang-undang
- Tanggungjawab sosial, kesihatan dan keselamatan pekerjaan
- Pemeliharaan alam sekitar, sumber asli, kepelbagaian bio dan ekosistem
- Amalan pertanian terbaik
- Pembangunan untuk penanaman pokok sawit baru

Lanjutan daripada ini, adalah dimaklumkan audit MSPO akan dijalankan seperti berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Nama unit pengurusan | : | Kilang Sawit Tai Tak |
| 2. | Tarikh mula audit | : | 28 November 2023 |
| 3. | Tarikh akhir audit | : | 30 November 2023 |
| 4. | Lokasi audit | : | Tai Tak Palm Oil Mill, Batu 21-22, Jalan Kota Tinggi, 81909 Kota Tinggi, Johor Darul Takzim. |
| 5. | Jumlah kawasan ladang kelapa sawit yang akan diaudit | : | n/a |
| 6. | Standard yang digunakan | : | MS 2530-4:2013. Standard ini boleh dibeli melalui http://www.msonline.gov.my/catalog.php |
| 7. | Ahli pasukan audit | : | 1) Dzulfiqar Bin Azmi |

Berhubung dengan perkara di atas, kami ingin menjemput pihak tuan untuk memberikan maklumbalas kepada kami (sekiranya ada) mengenai isu-isu di atas dengan mengembalikan borang jawapan yang dilampirkan **sebelum 28 November 2023**. Jika perlu, pasukan audit akan mengaturkan mesyuarat atau perbincangan melalui telefon semasa atau sebelum audit di lokasi bagi mendapatkan maklumat lanjut. Kami memberi jaminan bahawa sumber maklumat yang diterima akan dianggap sebagai sulit dan sebarang pendedahan terhadap sumber yang diterima adalah dengan persetujuan dari pihak tuan.

Jika pihak tuan mempunyai sebarang aduan mengenai audit atau rayuan atau pertikaian terhadap keputusan pasukan audit kami, pihak kami mempunyai proses dan prosedur aduan yang boleh didapati di laman web kami http://www.sirim-qas.com.my.

Sekian terima kasih.

Yang benar,

Kamini A/P Sooriamoorthy
Ketua Seksyen Makanan, Pertanian & Perhutanan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

ACB ABMS 01
ACB EnMS 01
ACB FMC 02
ACB GMP 04
ACB HACCP 03
ACB MSPO 05
ACB PS 03
MIBAS 003
ACB EMS 02
ACB FSMS 01
ACB ISMS 01
ACB MDQMS 04
ACB OSHMS 01
ACB PC 01
ACB QMS 01
SAMM 085
SAMM 086
SAMM 087
SAMM 240
SAMM 377
SAMM 734
SAMM 735
0074
SIRIM QAS International is a member of:
A wholly-owned subsidiary of SIRIM Berhad

## BORANG MAKLUM BALAS

Untuk Perhatian:
Cik Kamini A/P Sooriamoorthy
Ketua Seksyen Makanan, Pertanian & Perhutanan
SIRIM QAS International Sdn Bhd
No. 1, Persiaran Dato' Menteri
Section 2, 40700 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
No. Tel. : 03-5544 5056
No. Fax : 03-5544 6763
E-mel : kamini@sirim.my / syazwani@sirim.my

**MAKLUM BALAS MENGENAI AUDIT MSPO Di** : Tai Tak Palm Oil Mill ______________________

______________________

Saya merujuk kepada surat bertarikh ……………………….. untuk audit MSPO di kawasan seperti di atas. Saya ingin mengesahkan bahawa:

☐ Saya tidak mempunyai isu untuk dibangkitkan terhadap audit yang akan dijalankan.

☐ Saya mempunyai isu-isu berikut terhadap audit yang akan dijalankan

- ☐ Isu berkaitan pematuhan undang-undang — Sila huraikan : ______________________
- ☐ Isu berkaitan aspek sosial — Sila huraikan : ______________________
- ☐ Isu berkaitan alam sekitar — Sila huraikan : ______________________
- ☐ Isu berkaitan kesihatan dan keselamatan — Sila huraikan : ______________________
- ☐ Lain-lain — Sila huraikan : ______________________

☐ Saya ingin membuat perbincangan antara pasukan audit SIRIM dengan pihak berikut untuk lebih lanjut:

Nama : ______________________
Jawatan : ______________________
No. telefon . : ______________________
Alamat e-mel : ______________________

Terima kasih

Yang ikhlas,

…………………………
Nama :
Alamat :
No. Tel. :